

Kajang ditenggelami banjir kilat lagi

Oleh MOHD. SHARKAWI LONDING

sharkawi.londing@kosmo.com.my

KAJANG – Hujan lebat selama tiga jam yang melanda pekan Kajang dan beberapa kawasan sekitar semalam menyebabkan kawasan-kawasan terbabit dilanda banjir kilat.

Hujan yang bermula pukul 2 petang itu menyebabkan pekan Kajang, Saujana Impian dan Taman Jasmin dinaiki air sehingga setengah meter.

Lebih teruk beberapa buah kedai di pekan Kajang dimasuki air dan menyebabkan barangan rosak. Kejadian banjir kilat itu turut menyebabkan berpuluh-puluh buah kenderaan tenggelam di pekan itu.

Penolong Pengarah Operasi Bomba dan Penyelamat Selangor, Mohamad Sani Harul berkata, seperti biasa pekan Kajang paling teruk dinaiki air sehingga banyak kenderaan terperangkap dan kedai-kedai dimasuki air.

“Tinjauan mendapati air naik sehingga ke paras pinggang di pekan Kajang ekoran limpahan Sungai Jelok dan hujan lebat,” kata beliau ketika di-



KELIHATAN bangunan kedai dimasuki air manakala beberapa buah kereta terperangkap dalam banjir kilat di pekan Kajang semalam.

Sebahagian besar bandar Kajang ditenggelami air

KAJANG - Hujan lebat telah menyebabkan banjir kilat melanda pekan Kajang dan beberapa kawasan sekitarnya semalam. Banjir kilat ini menyebabkan beberapa kedai dan kenderaan terperangkap dalam banjir. Menurut laporan, banjir ini telah melanda beberapa kawasan di pekan Kajang, termasuk di kawasan sekitar Sungai Jelok. Banjir ini telah menyebabkan beberapa kedai dan kenderaan terperangkap dalam banjir. Menurut laporan, banjir ini telah melanda beberapa kawasan di pekan Kajang, termasuk di kawasan sekitar Sungai Jelok.



KERATAN Kosmo! 3 Disember 2011.

hubung di sini semalam.

Menurut beliau, pihaknya menerima panggilan kecemasan mengenai kejadian

banjir itu pada pukul 2.47 petang sebelum menghantar 14 anggota dari Balai Bomba dan Penyelamat Kajang dan Bangi bagi memantau lokasi-lokasi yang dinaiki air.

Mohamad Sani memberitahu, seluruh kawasan yang dinaiki air surut semula pada pukul 6.30 petang dan tidak ada mangsa yang cedera.



KAWASAN di sekitar bangunan Metro Plaza di pekan Kajang yang dinaiki air selepas hujan lebat selama tiga jam semalam.